



Firma ekuiti minat Malaysia

» *Kita ada tarikan dorong peserta industri teroka peluang pelaburan*

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

“Antara usaha bagi merangsang pelaburan swasta ialah memastikan perniagaan mempunyai akses kepada **modal yang mencukupi**, iaitu menerusi modal hutang dan modal ekuiti”

Abdul Wahid Omar,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Malaysia mempunyai daya tarikan tersendiri dalam menarik firma ekuiti swasta asing beroperasi di pasaran tempatan dan menjadikan negara ini sebagai hab operasi serantau mereka.

Rangka kerja perundangan mantap dan persekitaran percukaian mesra firma ekuiti swasta adalah antara kelebihan Malaysia untuk menarik peserta industri itu menerokai peluang pelaburan di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, berkata kerajaan sentiasa komited dalam membangunkan industri yang semakin berkembang pesat itu di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan firma ekuiti swasta global dan serantau dalam menjadikan Malaysia sebagai hab pilihan bagi operasi serantau mereka.

“Antara usaha bagi merangsang pelaburan swasta ialah memastikan perniagaan mempunyai akses kepada modal yang mencukupi, iaitu menerusi modal hutang dan modal ekuiti.

Modal peringkat awal

“Namun, satu lagi bentuk modal yang kami yakin masih pada peringkat awal ialah ekuiti swasta,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Ekuiti Swasta Malaysia 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Samsudin Osman dan Penge-

rusi Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS), Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Wahid berkata, meskipun pengembangan industri ekuiti swasta di negara ini masih pada peringkat awal dengan pelaburan dalam industri itu masih kecil, terdapat peluang pelaburan yang boleh diterokai peserta industri itu dalam sektor minyak dan gas, pengguna dan hartanah.

Galak pertumbuhan

Beliau berkata, kerajaan sentiasa menyokong pembangunan ekuiti swasta kerana ia dilihat mampu menggalakkan pertumbuhan pelaburan swasta, di samping mencetuskan nilai transformasi dan meningkatkan produktiviti dalam syarikat yang secara langsung akan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif EKUINAS, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, Malaysia masih agak ketinggalan dari segi jumlah modal yang diperuntukkan untuk ekuiti swasta.

Katanya, ia disebabkan masih

banyak syarikat lebih berminat melabur dalam kelas aset lain seperti pasaran ekuiti awam, pendapatan tetap dan hartanah.

Justeru, beliau berharap lebih banyak syarikat berkaitan kerajaan serta institusi pelaburan jangka panjang melihat ekuiti swasta sebagai kelas aset pelaburan alternatif yang mampu menawarkan pulangan tahunan lumayan iaitu secara purata mencecah 20 peratus setahun.

Dalam pada itu, Rakan Pengurusan dan Ketua Asia Tenggara CVC Asia Pacific (Singapore) Pte Ltd, Sigit Prasetya berkata, Malaysia adalah destinasi menarik bagi industri ekuiti swasta berikutan ketiadaan cukai keuntungan modal dikenakan kepada firma ekuiti swasta.

Katanya, jika membeli syarikat bukan senaraian di Filipina dan Indonesia, penjual perlu membayar 25 peratus cukai keuntungan modal, yang dilihat tidak menarik bagi firma ekuiti swasta untuk beroperasi kerana ia mengecilkan margin mereka.